



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

No. 13 Persiaran Perdana, Presint 2,
62623 Putrajaya

No. Telefon : 03-8882 5562

No. Fax : 03-8882 5569

HALA TUJU KPDN 2025 : 4 ANJAKAN FOKUS, 4 TERAS PEMACU DAN 14 STRATEGI

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) akan terus memperkukuh tiga kefungsian utama kementerian iaitu memastikan perdagangan dalam negeri yang mampan dan progresif, mendayaupayakan pengguna melalui advokasi dan kesedaran awam serta menangani isu kos sara hidup melalui perundangan dan penguatkuasaan berkesan.

Dalam memastikan kefungsian ini terus relevan, bagi tahun 2025 beberapa perubahan dan penambahbaikan gerak kerja kementerian akan dilaksanakan demi memastikan perkhidmatan yang bermutu dan berimpak. Ini termasuklah memastikan strategi pelaksanaan seiring dengan perubahan dan cabaran zaman serta memenuhi ekspektasi rakyat.

Sejajar dengan usaha ini, Hala tuju 2025 KPDN menetapkan pelaksanaan anjakan empat fokus yang diakronimkan sebagai K.P.D.N; (K) Ketangkasan Penguatkuasaan, (P) Pemacu Ekonomi Domestik, (D) Daya Upaya Pengguna dan Advokasi Kepenggunaan dan (N) National Action Council on Cost Of Living (NACCOL) – Pendekatan Whole-of-Nation.

Demi memastikan empat anjakan fokus ini dapat direalisasi secara strategik, ia juga akan digerakkan melalui empat teras pemacu yakni K.I.T.A; (K) Keterangkuman Kerajaan dan Kecemerlangan Organisasi, (I) Iltizam Industri, T (Tekad Tatakelola) dan (A) Aspirasi dan Partisipasi Awam. Empat teras pemacu ini menekankan peranan dan kolaborasi pelbagai pemegang taruh selaras dengan pendekatan whole-of-nation dan whole-of-government.

Menerusi hala tuju ini, K.P.D.N K.I.T.A menyasarkan pelaksanaan 14 strategi sepanjang tahun 2025. Sebagai permulaan, salah satu program baharu yang dilancarkan hari ini ialah Servis Ihsan MADANI@ Petronas AutoExpert (SIM@PAX).

Program baharu di bawah inisiatif Payung RAHMAH MADANI ini menyasarkan pemberian manfaat kepada golongan berpendapatan rendah dalam mendepani cabaran kos sara hidup melalui pengurangan kos bagi penyelenggaraan kenderaan.

Melalui kerjasama antara KPDM dan Petronas, program ini menawarkan pakej penyelenggaraan kereta di bengkel-bengkel PETRONAS AutoExpert sedia ada di seluruh negara dan pengurangan harga minyak pelincir jenis mineral dan semi sintetik pada harga istimewa antara 10 hingga 30 peratus lebih rendah berbanding harga pasaran semasa .

SIM@PAX akan dilaksanakan pada setiap musim perayaan utama di Malaysia iaitu Tahun Baru Cina, Hari Raya Aidilfitri, Hari Raya Aidiladha, Pesta Kaamatan, Hari Gawai, Deepavali, Hari Krismas, dan Hari Kebangsaan. Pelaksanaan pertama SIM@PAX ialah pada sambutan Tahun Baru Cina pada 24 hingga 28 Januari 2025.

YB DATUK ARMIZAN BIN MOHD ALI

Menteri Perdagangan Dalam Negeri
dan Kos Sara Hidup

20 Januari 2025
Putrajaya

###